

04 MAR 2002

KENG YAIK-SAWIT/I (bergambar)

KOREA UTARA TERIMA KREDIT AS\$10 JUTA LAGI DI BAWAH POCPA

PUTRAJAYA, 4 Mac (Bernama) -- Kementerian Perusahaan Utama hari ini memeterai Perjanjian Kredit dan Pembayaran Minyak Sawit (POCPA) kedua dengan Korea Utara untuk menambah AS\$10 juta lagi sebagai kemudahan kredit bagi negara tersebut untuk membeli minyak sawit dari Malaysia.

Dengan POCPA terbaru ini, jumlah kredit yang disediakan oleh Malaysia kepada Korea Utara untuk membeli minyak sawit meningkat sekali ganda kepada AS\$20 juta.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Dr Lim Keng Yaik, berkata POCPA pertama yang dimeterai pada Disember 2000, berasaskan kepada harga semasa yang membolehkan negara itu membeli 40,000 hingga 50,000 tonne minyak sawit dari Malaysia.

Beliau berkata Korea Utara telah menggunakan kesemua kemudahan kredit pertama itu.

Pembayaran semula bagi kemudahan pertama dijadualkan pada Mac 2003 manakala bagi kemudahan kredit kedua adalah pada 2004, katanya kepada pemberita selepas majlis permeterian Memorandum Persefahaman dengan Korea Utara berkaitan kemudahan kredit itu.

Beliau berkata sebaik sahaja Korea Utara menjelaskan pembayaran bagi kemudahan kredit pertama itu, jumlah kredit AS\$20 juta di bawah kedua-dua POCPA itu akan bertukar menjadi dana berpusing.

Dr Lim berkata Korea Utara kekurangan tunai untuk membeli minyak sawit dan mereka meminta kemudahan kredit kira-kira AS\$50 juta.

Sementara itu, di sidang media berasingan di Kuala Lumpur, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Adzmi Khalid berkata Ketua Dewan Perwakilan Tertinggi Korea Utara, Kim Yong Nam dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju untuk meningkatkan perdagangan antara kedua-dua negara.

Beliau berkata Kim telah mempelawa Dr Mahathir dan syarikat-syarikat Malaysia ke Korea Utara untuk meneroka peluang pelaburan di sana terutama dalam sektor petroleum dan teknologi.

Kementerian Sains Korea Utara juga menunjukkan minat untuk memeterai lebih banyak perjanjian dengan Malaysia bagi hal-hal berkaitan penyelidikan teknikal dan saintifik, katanya. -- BERNAMA

FAY SD ZK